

Saraf rosak hingga hilang rasa sakit



Rencana
Utama

Oleh
FARID AHMAD
TARMIJI



TANGGAL 8 November 2023, menjadi satu detik hitam yang sukar dilupakan oleh Nadia Fasha Qistina Azman Shah, 20, apabila dia menjadi mangsa simbahan asid.

Pada hari kejadian, dia dalam perjalanan pulang kerja dari Denai Alam menuju ke rumahnya di Sungai Buloh, Selangor, sebelum disimbah asid oleh seseorang tidak dikenali.

Malah, akhbar Kosmo/ sebelum ini telah melaporkan akan nasib yang dialami serta perubahan hidupnya selepas kejadian itu.

Nadia Fasha Qistina berkata, kejadian simbahan asid itu telah menyebabkan 70 peratus anggota badannya cedera teruk.

"Sakit pada muka dan mata tidak dapat saya tanggung.

"Saya akan merasa sakit setiap kali bangun tidur kerana kulit muka akan menjadi tegang dan perlu disapu pelembap," katanya.

Selepas enam bulan kejadian yang menimpa Nadia Fasha Qistina berlaku, negara kita digemparkan dengan kejadian sama.

Kali ini, bintang bola sepak Harimau Malaya dan Selangor FC, Faisal Halim menjadi mangsa simbah asid oleh individu tidak dikenali.

Kejadian itu berlaku di sebuah pusat beli-belah sekitar Petaling Jaya pada 5 Mei lalu.

Asid yang disimbah pada Faisal adalah asid sulfurik pekat sehingga menyebabkan dia terpaksa menjalani beberapa siri pembedahan.



DR. CHEE KWAN

ASID berbahaya kerana ia boleh menghakis lapisan kulit dan menyebabkan keradangan. - GAMBAR HIASAN

Mengulas lanjut tentang kesan simbahan asid, Perunding dan juga Pakar Pembedahan Plastik dan Luka Kebakaran di Pusat Pakar Universiti Malaya (UMSC) Dr. Kong Chee Kwan berkata, asid berbahaya kerana ia boleh menghakis lapisan kulit dan menyebabkan keradangan.

Menurutnya, kesan kecederaan juga bergantung kepada jenis asid yang digunakan.

"Jika asid yang digunakan kuat, maka ia akan memberi kesan kecederaan lebih teruk kepada mangsa.

"Ada beberapa jenis asid yang kuat termasuklah asid sulfurik, asid hidrobromik dan lain-lain lagi," katanya.

Tambahnya, jika asid itu terkena kulit lebih lama, ia akan menyebabkan hakisan lebih dalam pada kulit.

Kecederaan terkena asid boleh dikelaskan kepada tiga tahap iaitu pertama, kedua dan ketiga.

Menjelaskan tentang tahap kecederaan tersebut, Dr. Chee Kwan berkata, tahap satu melibatkan lapisan luar iaitu epidermis dan ia kurang serius.

Ujarnya, kecederaan tahap kedua melibatkan kulit tengah iaitu dermis dan ia lebih serius berbanding tahap satu, tetapi kesannya kurang teruk.

"Tahap ketiga adalah paling serius yang melibatkan sehingga lapisan lemak atau lebih dalam seperti otot, fascia dan tulang.

"Kecederaan tahap tiga ini sudah dikira teruk dan tiada tahap empat. Jika ada yang mengatakan ia tahap empat kecederaan, rawatan adalah sama seperti tahap tiga," jelasnya.



FAISAL telah menjadi mangsa simbah asid pada 5 Mei lalu.

Katanya, kecederaan tahap tiga boleh menyebabkan mangsa tidak merasai sakit kerana bahan kimia tersebut telah merosakkan hujung saraf.

Biarpun setiap tahap kecederaan simbahan asid boleh dirawat, namun kesan parut untuk setiap tahap adalah berlainan.

Untuk kecederaan tahap pertama, ia kelihatan seperti 'sunburn' dan akan sembuh dengan cepat iaitu sekitar satu minggu serta tiada parut.

Rawatan yang diberikan adalah melalui krim kulit dan ubat tahan sakit. Dr. Chee Kwan berkata, tahap kedua mengambil masa lebih lama iaitu dua hingga tiga minggu.

INFO

Asid

- Berbentuk cecair dan mempunyai pH rendah
- Asid bersifat menghakis
- Asid-asid yang kuat termasuk hidroklorik, nitrik, sulfurik, hidrobromik, hidriodid, perklorik dan klorik

Ujarnya, jika kecederaan itu berlaku di permukaan atas dermis, ia akan sembuh tanpa pembedahan dan hanya ada sedikit kesan parut.

"Kecederaan tahap ketiga yang paling teruk dan mangsa perlu menjalani pembedahan kerana keseluruhan lapisan kulit sudah mati.

"Kulit mati ini perlu dibuang. Setelah kulit ini dibuang, kita akan menggantikannya dengan kulit yang baik.

"Paling baik, kulit ini diambil daripada pesakit sendiri untuk ganti kulit yang telah melecur. Pembedahan ini dipanggil 'skin grafting'.

"Jika kulit sendiri tidak cukup, kulit ikan atau kulit 'allograft' akan digunakan buat sementara waktu, sebelum menunggu kulit sesuai untuk diambil pada pesakit," katanya.

Tambahnya, kulit 'allograft' adalah kulit yang diderma oleh orang lain ataupun kulit mayat yang telah diproses.

Katanya, kulit berkenaan akan mengalami penolakan dalam masa dua minggu dan tidak akan kekal.

"Selepas tempoh itu, kulit 'allograft' perlu diganti oleh kulit pesakit sendiri apabila sesuai.

"Selalunya, pesakit yang disimbah asid akan mengalami kecederaan tahap tiga kerana asid cepat meresap ke dalam kulit. Pembedahan yang paling baik adalah dengan menggunakan kulit pesakit itu sendiri.

"Sebagai contoh, jika kecederaan itu melibatkan kaki kiri, kulit di bahagian kaki kanan akan diambil.

"Kebanyakan kulit pada tubuh pesakit boleh diambil untuk diganti pada bahagian yang mengalami kecederaan terkena asid," katanya.

Dr. Chee Kwan menjelaskan, selepas kulit baharu diganti, kecederaan akan baik dalam tempoh dua minggu selepas pembedahan.

"Ia juga bergantung kepada tahap kecederaan pesakit itu sendiri. Jika tahap



DR. CHEE KWAN menunjukkan kesan simbahan asid pada kulit manusia.

kecederaan serius melebihi 50 peratus, lebih banyak masa akan diambil.

"Tahap ketiga akan meninggalkan parut kekal kepada pesakit.

"Bagi mengurangkan kesan parut, pesakit perlu melalui rawatan lain seperti silikon gel ataupun laser," jelasnya.

Tambahnya, asid juga boleh menyebabkan kebutaan jika terkena pada bahagian mata.

Malah, Dr. Chee Kwan sendiri pernah merawat pesakit yang terkena asid pada bahagian muka sehingga menyebabkan kebutaan.

Terangnya, pesakit itu terkena asid di tempat kerja sehingga menyebabkan kecederaan pada bahagian muka dan mata.

"Pesakit ini mengalami kebutaan disebabkan asid itu terkena pada bahagian lapisan kornea sehingga menyebabkan dia buta sepenuhnya dan memerlukan pemindahan kornea," jelasnya.

Sementara itu, Ketua Pusat Penyelidikan Sains dan Teknologi Katalisis, Fakulti Sains, Universiti Putra Malaysia (UPM) yang juga

Ahli Majlis Profesor Malaysia, Prof. Datuk Dr. Taufiq Yap Yun Hin menjelaskan, asid merupakan bahan yang biasanya berbentuk cecair dan mempunyai pH rendah.

Terangnya, pH rendah bersifat

mengekalkan

kecederaan

asid

akan

meningkatkan



DR. TAUFIQ

menghakis terutamanya asid-asid yang sangat kuat sehingga boleh menyebabkan kemudaratan kepada lapisan luaran tubuh manusia khususnya kulit.

"Asid-asid yang kuat ini boleh memberi kesan melecur seperti terbakar sehingga menyebabkan kecederaan tahap serius.

"Contoh-contoh asid-asid yang kuat termasuk asid hidroklorik, asid nitrik, asid sulfurik, asid hidrobromik, asid hidriodid, asid perklorik dan asid klorik," katanya.

Tambahnya, asid juga tiada warna dan ia 'transparent' seperti air.

Ujar Dr. Taufiq, bagi mereka yang terkena ataupun disimbah asid, tindakan pantas yang boleh dilakukan adalah dengan membilasnya dengan air.

Katanya, tujuannya adalah untuk mengurangkan kesan hakisan asid itu terhadap kulit.

"Asid ini bersifat menghakis dan ia akan merebak. Oleh itu, kita perlu membasuh bahagian yang terkena asid dengan air bersih yang banyak.

"Tujuan air diletakkan bukan hanya untuk membuang asid, tetapi sejukkan kembali kerana asid bersifat panas," terangnya.

Apa yang membimbangkan, Dr. Taufiq mendapati, terdapat asid yang dijual secara online dan ia memudahkannya orang ramai untuk membelinya.

Oleh itu, pihak berkuasa perlu mengambil tindakan supaya kejadian simbahan asid tidak berulang.

"Tindakan segera perlu diambil supaya penjualan bahan-bahan kimia ini tidak terlalu terbuka, sekali gus menghalang orang ramai membelinya dengan mudah," jelasnya.



ASID biasanya dalam bentuk cecair dan memiliki nilai pH yang rendah. - GAMBAR HIASAN

KECEDERAAN asid tahap tiga akan meninggalkan kesan parut pada mangsa. - GAMBAR HIASAN